Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia:Analisis Linguistik

Nor Hashimah Jalaluddin

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia. Apek sosiokognitif yang diteliti dalam menilai penguasaan bahasa Melayu remaja adalah sikap, persepsi dan persekitaran. Kajian Kementerian Pelajaran Malaysia 2000, mendapati pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil sangat lemah dalam mata pelajaran BM ini. Sikap pelajar terhadap bahasa Melayu didapati berkait rapat dengan aspek pedagogi berasaskan peperiksaan dan pengabaian nilai estetika dalam bahasa tersebut. Persepsi remaja bukan Melayu khususnya menganggap BM sebagai tidak penting dan membosankan. Aspek persekitaran pula seperti bahan bacaan, pergaulan dan bahasa perbualan didapati mampu memainkan peranan yang besar terhadap penguasaan bahasa Melayu di kalangan remaja. Kajian ini juga menilai penguasaan pragmatik. Pelajar menghadapi masalah dengan soalan yang memerlukan maklumat budaya, kemahiran berbahasa, mencungkil makna ayat tersirat, maklumat klasik dalam peribahasa dan mata pelajaran KOMSAS. Maklumat pragmatik yang dikaji adalah "bermuka-muka", peribahasa "bak burung di sangkar emas" dan "berwajah putih atau cerah". Secara keseluruhannya, tahap penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia didapati lemah dan kurang memuaskan.

Kata kunci: sosiokognitif, pragmatik, sikap, persepsi, persekitaran

Abstract

This article discusses the sociocognitive and the mastery of Malay language pragmatics among Malaysian teenagers. The aspects of sociocognitive focused are attitudes, perception and environment. A research carried out by the Ministry of Education in 2000 proved that the pupils of Chinese and Indian from National Type Primary Schools are very weak in bahasa Melayu (BM) subject. This study shows that the pupils' attitudes on this subject are related to the pedagogical aspects that stressed too much on the

examination and at the same time neglecting the aesthetical value of this language. The pupils' perceptions on this language are unimportant and dull especially among non Malays. Meanwhile, the aspects of environment such as the reading resources, interactions and the language of conversant among teenagers play an important role in mastering the BM language. This research also looked into the pragmatic ability of the pupils. Pupils are facing problems when comes to questions that needs extra information on culture, language competency, to explicate the implicit meaning, classical information in proverbs and literature subject, KOMSAS. The pragmatics elements that are measured are "bermuka-muka" (hypocrite), the proverb, "bak burung di sangkar emas" (lit: bird in a golden cage) and "berwajah putih atau cerah" (white or fair looking). In overall, the levels of pragmatics mastery among Malaysian teenagers are weak and dissatisfactory.

Keywords: sociocognitive, pragmatics, attitude, perception, environment.

Pengenalan

Sikap, persepsi dan persekitaran boleh mempengaruhi pembelajaran dan seterusnya penguasaan bahasa Melayu (BM) di kalangan remaja Malaysia. Ketiga-tiga ciri ini yang boleh kita namakan sosiokognitif dapat memberikan gambaran mengenai kedudukan BM pada hari ini. Banyak faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan BM remaja Malaysia pada hari ini. Pertamanya, pendedahan remaja dengan mata pelajaran ini sendiri. Keduanya pengaruh dari alam sekeliling mereka. Peranan media sama ada elektronik, bercetak memang boleh mencorakkan penggunaan BM remaja. Begitu juga dengan rakan sebaya atau penutur bahasa yang berada di sekeliling mereka. Tambahan pula remaja adalah generasi muda yang mudah meresap apa sahaja maklumat di sekeliling mereka. Ini selari dengan peribahasa 'melentur buluh biar dari rebung'.

Soalannya mengapa isu ini sering dibangkitkan setelah lebih 50 tahun kita merdeka. Bukankah 50 tahun boleh dianalogikan dengan usia seseorang yang telah benar-benar matang. Demikian jugalah halnya dengan kedudukan BM di negara ini. Tetapi penyelidikan yang dilakukan tidak menunjukkan keselarian fenomena ini. Artikel ini akan memaparkan dapatan kajian penguasaan sosiokognitif remaja Malaysia dan sekali gus menjelaskan mengapa sesudah mendapat pendedahan BM secara formal selama 11 tahun, penguasaan BM remaja semakin merosot. Artikel ini adalah berdasarkan kajian lapangan yang melibatkan seramai 1523 pelajar tingkatan empat di lima buah zon iaitu tengah, utara, timur, Sabah dan Sarawak. Pelajar diminta mengisi maklumat soal selidik yang merangkumi sikap, persepsi dan persekitaran atau mudahnya sosiokognitif. Pelajar juga diminta membuat ujian bertulis karangan, tatabahasa dan KOMSAS. Satu sesi temu bual

dengan pelajar bagi mengetahui strategi pembelajaran dilakukan sebagai maklumat tambahan. Sesi meja bulat bersama guru menjadi pelengkap kajian bagi mengetahui lebih mendalam masalah penguasaan BM itu sendiri. Keseluruhan pakej ini cukup untuk memberikan gambaran keseluruhan penguasaan BM remaja Malaysia.

Sosiokognitif Remaja

Perbincangan mengenai sosiokognitif akan menyentuh tiga aspek iaitu sikap, persepsi dan persekitaran. Pembolehubah sosial ini boleh membantu kita mengukur tahap penguasaan BM remaja Malaysia bagi mendapatkan gambaran yang lebih objektif. Dari kajian yang dilakukan kita dapat menghuraikan sikap, persepsi dan persekitaran remaja dalam mempengaruhi penguasaan BM mereka. Kajian ini boleh dikatakan lanjutan daripada kajian yang pernah dilakukan oleh pihak Kementerian Pelajaran sendiri. Kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia (2000) mendapati tahap penguasaan BM dalam kalangan pelajar Cina dan Tamil memang lemah. Kajian yang dijalankan berasal dari kebimbangan KPM terhadap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC dan SJKT yang dianggap akan menimbulkan masalah pembelajaran dalam mata pelajaran lain, khususnya apabila mereka berada pada peringkat menengah. Kajian yang dilakukan ke atas 1,085 pelajar di SJKC dan SJKT ini antara lain bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelaksanaan bahasa Melayu di SJKC dan SJKT, dan tahap penguasaan bahasa Melayu di SJKC dan SJKT. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di SJKC dan SJKT masih di paras membimbangkan. Sehubungan itu, kumpulan pengkaji ini mencadangkan beberapa langkah pembaikan termasuk meninjau semula kurikulum pengajaran bahasa Melayu di SJKC dan SJKT.

Selain daripada kajian pihak Kementerian sendiri, banyak lagi kajian mengenai penguasaan BM di kalangan pelajar menengah telah dijalankan. Antaranya kajian Zulkifley Hamid, Karim Harun & Sa'adiah Ma'alip (200l), Ramli Md. Salleh, Ismail Salleh, Idris Aman & Fadzeli Jaafar (2000) dan Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Idris Aman (2004) pula dapat dianggap sebagai kajian bersifat penjelasan. Kajian bersifat penjelasan mempunyai data, teori, huraian, dan penjelasan terhadap analisis kajian**.** Pengkaji-pengkaji tersebut telah melakukan kajian terhadap penguasaan bahasa di sekolah yang menyentuh aspek bahasa secara telus dan mendalam. Selain itu, kajian-kajian ini bukan sahaja menyenaraikan kesalahan tatabahasa tetapi turut memberi huraian dan penjelasan teoritis terhadap gejala bahasa yang digunakan oleh para pelajar di sekolah. Kajian mereka juga menggabungkan aspek bukan bahasa seperti melihat latar belakang pelajar dan murid untuk mengukuhkan lagi huraian terhadap data bahasa yang telah dikumpul.

Kajian ini yang boleh dianggap sebagai peneguh kepada kajian lepas akan memaparkan secara eksplisit faktor sosiokognitif remaja ini dan ditambah satu lagi aspek penting dalam penguasaan bahasa, iaitu penguasaan pragmatik. Penguasaan pragmatik yang selama ini jarang diketengahkan dalam membicarakan masalah penguasaan bahasa remaja, kali ini akan menghuraikan dengan jelas agar semua pihak berkaitan terutama perancang kurikulum, pemeriksa kertas dan guru faham akan tuntutan pragmatik ini. Kajian ini juga boleh menjadi input berguna pada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menangani masalah kelemahan BM bukan sahaja di kalangan remaja bukan Melayu malah Melayu juga.

Sikap

Dari enam kaum yang dikaji iaitu Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain kaum, Melayu, Iban dan lain-lain kaum lebih daripada 90% remaja menyatakan mereka suka BM. Ini dikuti oleh India, 83.3%, Kadazan 76.7% dan Cina 55.2%. Bagi Melayu, Iban dan lain-lain kaum yang menyukai BM faktor bahasa pertama adalah alasan terbaik. Bangsa Melayu memang menuturkan BM dan merupakan bahasa ibunda mereka. Bagi kaum Iban pula, bahasa mereka memang serumpun dengan BM menyebabkan pemahaman mereka menjadi lebih mudah. Bagi kaum-kaum lain yang merangkumi Siam, Bidayuh, Bugis, Berawan, dan lain-lain merupakan kaum minoriti yang kebanyakannya menggunakan BM sebagai bahasa perhubungan dengan kaum-kaum lain. Oleh kerana bahasa mereka semakin kurang dituturkan, maka kebanyakan remaja memilih menggunakan BM. Masyarakat India pula menduduki tempat ketiga selepas kaum-kaum lain dan Melayu kerana mereka lebih terasimilasi di peringkat menengah. Remaja India yang pergi ke sekolah Tamil akan pasti menyambung ke sekolah menengah kebangsaan kerana sekolah aliran Tamil hanya ada di peringkat sekolah rendah. Tetapi di kawasan bandar terutamanya, anak-anak India akan terus memasuki sekolah rendah kebangsaan. Selalunya sekolah aliran Tamil hanya berada di kawasan estet.


Berlainan pula halnya dengan Kadazan dan Cina. Kadazan yang kerap kali berkahwin campur dengan Cina di Sabah menunjukkan skor 76.7%. Ini sedikit sebanyak mempengaruhi sikap mereka pada BM. Kemungkinan mereka mengikuti sekolah aliran Cina ada kebenarannya. Sikap terhadap BM yang paling menonjol adalah dari kaum Cina. Hanya 55.2% sahaja di kalangan mereka yang belajar di sekolah Menengah Kebangsaan yang menyukai BM. Rata-rata anak-anak berbangsa Cina mendapat pendidikan awal di sekolah Cina. Silabus BM di sekolah Cina sangat berbeza dengan sekolah aliran kebangsaan. Standard BM yang diajar di sekolah Cina jauh lebih rendah dari yang di sekolah kebangsaan. Tambahan pula mereka yang berada di sekolah Cina boleh dikatakan hampir seratus peratus berbangsa Cina, maka bahasa perhubungan mereka adalah bahasa Cina. Malah di alam pekerjaan juga mereka turut menggunakan bahasa Cina. Maka ini boleh

menjawab persoalan mengapa peratus sukakan BM di kalangan remaja Cina agak rendah.

> "...bagi pelajar Cina, memang kita hadapi banyak masalah... sebab ... err.. dia punya pemahaman bahasa Melayu memang sangat menyedihkan...".
>
> (Sumber: wawancara guru)

Fenomena ini harus diberikan perhatian yang serius memandangkan penyemaian benih sukakan bahasa harus bermula di peringkat awal kanak-kanak lagi. Sekiranya ini tidak diberikan perhatian serius, kemungkinan besar mereka yang gagal menguasai BM akan terus merosot. Masyarakat hari ini selalu menjadikan faktor globalisasi sebagai jalan keluar untuk tidak menguasai BM.


Rajah 1.1 :Saya Suka Belajar BM



	Melayu	Cina	India	Iban	Kadazan	Lain-lain
Tidak	5.9%	44.8%	16.7%	3.0%	23.3%	4.1%
Ya	94.1%	55.2%	83.3%	97.0%	76.7%	95.9%

Soalan kedua adalah mengenai cara guru mengajar. Rajah di bawah mencatatkan apa kita cari.

Rajah 1.2: Saya Suka Cara Guru Saya Mengajar BM




	Melayu	Cina	India	Iban	Kadazan	Lain-lain
Tidak	9.9%	42.9%	22.2%	12.1%	10.0%	8.3%
Ya	90.1%	57.1%	77.8%	87.9%	90.0%	91.7%

Soalan mengenai sikap remaja terhadap pengajaran guru tidak mengecewakan. Cuma pelajar Cina mencatatkan skor peratus yang agak rendah iaitu 57.1%. Harus diingat bahawa BM adalah bahasa perpaduan dan berkaitan dengan jati diri dan pembentukan negara bangsa**.** Maka minat mereka mesti dipupuk dan diberi perhatian agar P&P BM terus diminati dan sekali gus meningkatkan penguasaan BM pelajar.

Mahzan Arshad (2008), Timbalan Dekan Pentadbiran dan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya berpendapat bahawa apabila pendidikan bahasa dimasukkan dalam peperiksaan wajib, maka pelajar menjadi tidak berminat kepada mata pelajaran tersebut. Pengkaji juga berpendapat bahawa cara guru mengajar bahasa yang lebih berfokus kepada peperiksaan mendorong kepada berkurangnya minat pelajar terhadap pengajaran bahasa Melayu di sekolah. Aspek nilai estetik dan keindahan yang terkandung dalam bahasa Melayu tidak diberikan tumpuan, sehingga pelajar menganggap mata pelajaran bahasa Melayu sama seperti mata pelajaran lain, perlu dihafal dan kurang dihayati. Apabila komponen sastera (KOMSAS) diperkenalkan pada 22 Jun 1999, yang kononnya bertujuan untuk mengatasi masalah kurangnya penghayatan terhadap nilai estetik dalam bahasa Melayu, malah dikatakan membebankan pelajar. Pertambahan bahan bacaan yang perlu dibaca, menyebabkan lebih ramai pelajar tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu pelbagai usaha mesti dilakukan bagi mengekalkan kelestarian BM. Mungkin salah satu cara adalah dengan menghidupkan semula aktiviti berpersatuan. Dari kajian yang dilakukan, gambaran mengenai persatuan BM amat mendukacitakan. Semua semua kaum mendapat skor kurang dari 12% menyertai persatuan BM. Rajah 1.3 menunjukkannya.

Rajah 1.3: Saya Menyertai Persatuan BM di Sekolah




	Melayu	Cina	India	Iban	Kadazan	Lain-lain
Tidak	92.8%	89.0%	94.4%	95.5%	93.3%	94.7%
Ya	7.2%	11.0%	5.6%	4.5%	6.7%	5.3%

Persatuan sepatutnya menjadi tempat pelajar melahirkan idea kreatif di luar waktu kelas. Mungkin tumpuan kepada menghabiskan silabus dan menumpukan kepada mencapai markah tertinggi menyebabkan persatuan

terabai. Seharusnya semasa berpersatuan penggunaan BM bertambah baik apabila penggunaan bahasa secara bebas dapat dilahirkan. Pada masa ini juga penggunaan bahasa sosial yang digunakan sehari-hari diamalkan. Dengan sebab itu, pihak Kementerian Pelajaran menyedari hakikat kepentingan pergaulan antara pelajar dengan mengembalikan sukan sebagai mata pelajaran wajib (Tan Sri Muhyiddin Yassin, Utusan Malaysia: 2010). Hanya dengan aktiviti kokurikulum sahaja asimilasi berlaku dan secara tidak langsung penggunaan bahasa akan lebih meluas. Diharapkan dengan cara juga penguasaan bahasa turut dapat ditingkatkan.

Persepsi

Rajah 1.4: Persepi Remaja Terhadap BM




	Melayu	Cina	India	Iban	Kadazan	Lain-lain
Tinggi	35.2	6.5	22.2	25.8	23.3	29.5
Sederhana	40.8	21.4	40.7	45.5	36.7	39.5
Rendah	23.9	72.1	37	28.8	40	31

Selain sikap, persepsi pelajar turut diukur mengenai BM. Sekali lagi persepsi remaja Cina terhadap BM sangat rendah. 72.1% remaja merasakan BM tidak penting diikuti oleh Kadazan 40%, India 37%, lain-lain kaum 31%, Iban 28.8% dan Melayu 23.9%.. Apabila ditanya soalan tambahan yang berkaitan dengan persepsi, 32.7% remaja mengatakan BM adalah pelajaran yang membosankan. 32.4% remaja mengatakan isi kandungan BM terlalu banyak dipelajari. Mereka bukan sahaja mesti pandai menulis karangan, tetapi juga menguasai tatabahasa, dan semua aspek KOMSAS termasuklah novel, antologi, puisi, syair dan sebagainya. Namun demikian 81.1% mereka mempunyai persepsi yang positif agar BM terus menjadi mata pelajaran wajib. Cuma pendapat mereka berbelah bagi apabila diajukan soalan, 'semua mata pelajaran mesti diajar dalam BM'. 52.8% berpendapat semua mata pelajaran wajib diajar dalam BM dan 47.2% berpendapat sebaliknya. Ini adalah kesan dari pelaksanaan PPSMI. Remaja kini sudah mula tidak dapat membuat pendirian yang baik apabila diajukan dengan soalan yang sedemikian.

Persekitaran

Bagaimana pula persekitaran remaja mempengaruhi penguasaan BM mereka?

Rajah 1.5: Persekitaran dan Penguasaan BM Remaja Malaysia




	Bahan bacaan seperti surat khabar, majalah dan novel boleh membantu meningkatkan kemahiran BM saya		Saya banyak menggunakan BM di sekolah		Saya menggunakan BM apabila bercakap dengan rakan bukan sama kaum	
	TS	S	TS	S	TS	S
Melayu	9.8%	90.2%	11.3%	88.7%	23.3%	76.7%
Cina	31.2%	68.8%	64.3%	35.7%	33.7%	66.2%
India	11.2%	88.9%	62.9%	37.0%	42.6%	57.4%
Iban	4.5%	95.5%	25.7%	74.2%	12.2%	87.9%
Kadazan	16.7%	83.3%	20.0%	80.0%	16.7%	83.3%
Lain-lain	9.2%	90.9%	14.7%	85.3%	10.3%	89.7%

Rata-rata remaja mengatakan bahan bacaan sampingan seperti akhbar, majalah dan novel dapat membantu penguasaan BM mereka. Seharusnya kita harus menyokong penggunaan bahan bacaan sampingan dalam kelas. Selain daripada memecahkan kebosanan terhadap buku teks, remaja akan didedahkan dengan idea kreativiti sendiri. Ini juga memberikan kesan positif kepada mereka. Mungkin ini dapat diterjemahkan dalam bentuk komunikasi antara kaum. Lebih 65% remaja mengakui menggunakan BM di sekolah. Lebih 80% remaja di Borneo menggunakan BM antara rakan memandangkan kumpulan kaum mereka agak terpecah dan penutur mereka semakin mengecil. Tambahan pula dialek antara kaum di sana tidak serumpun dan adalah lebih praktikal mereka menggunakan BM. Di semenanjung Malaysia, hanya 57.4% remaja India dan 66.7% remaja Cina menggunakan BM. Saya yakin mereka turut menggunakan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris di antara kaum. Nyatanya mereka adalah pelajar yang mampu berbahasa Inggeris dan turut berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Secara tidak langsung mereka menjadi penutur yang boleh bertutur dalam BM, BI dan bahasa ibunda. Rajah 1.5 adalah gambaran mengenai persekitaran yang membantu mereka menguasai BM.

Penguasaan Prakmatik

Setelah meneliti secara ringkas aspek sosiokognitif remaja, kita beralih kepada satu lagi aspek penguasaan BM yang perlu diberikan perhatian.

Rajah 1.6: PenguasaanTatabahasa.



	Kemasyarakatan≈Memasyarakatkan	Putih ≈Cerah	Bermuka-muka	Bak burung di sangkar emas	Komsas	Markah A+B	Strategi Membaca
Melayu	37.6%	35.2%	60.5%	17.4%	14.8%	11.9%	73.5%
Cina	18.8%	20.1%	31.8%	4.5%	16.9%	3.9%	52.6%
India	31.5%	18.5%	37.0%	3.7%	16.7%	0.0%	81.5%
Iban	39.4%	27.3%	59.1%	4.5%	9.1%	1.5%	62.1%
Kadazan	43.3%	43.3%	46.7%	26.7%	30.0%	10.0%	56.7%
Lain-lain	36.3%	38.3%	52.5%	20.1%	24.2%	10.0%	63.1%

Penguasaan bahasa tidak terhad kepada boleh membaca dan menulis dalam BM. Penguasaan bahasa termasuklah mampu menggunakannya dengan rumus, makna dan adab yang betul. Contohnya, penggunaan dari segi tatabahasa adalah tepat dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan tetapi pada masa yang sama penggunaan dari sudut pragmatik sangat tidak tepat dan janggal. Penggunaan ganti nama adalah satu contoh yang paling kerap dilakukan kesalahan. Kita kerap mendengar pelajar bukan Melayu menggunakan 'aku', 'kamu' apabila berbahasa. Meskipun bentuk itu betul, ia tetap dianggap salah dari segi penggunaan bahasa yang sebenar. Apa yang berlaku ialah pelajar-pelajar ini tidak didedahkan dengan penggunaan sebenar ganti nama dalam dunia realiti.

Dari kajian yang dilakukan, banyak soalan yang memerlukan maklumat pragmatik telah gagal dikuasai dengan baik oleh pelajar. Ini tidak terhad kepada pelajar Melayu sahaja, malah merentas kaum. Contoh soalan-soalan di atas adalah soalan yang memerlukan maklumat tambahan. Maklumat tambahan inilah yang dikemukakan oleh sosiolinguistik dan pragmatik. Maklumat sosiolinguistik yang membicarakan perihal pemboleh ubah sosial seperti umur, status, gender membantu kita memahami penggunaan bahasa dengan baik. Maklumat pragmatik pula berkisar mengenai maklumat bukan linguistik tetapi amat penting dalam membantu mentafsir makna yang dikehendaki. Contohnya walaupun 'aku' itu betul tetapi penggunaan dalam dunia sebenar adalah berbeza. 'Aku' boleh digunakan untuk teman sebaya atau rakan yang paling akrab tetapi tidak kepada mereka yang lebih tua dan tinggi statusnya. Inilah pemboleh ubah sosial yang perlu diperhatikan bagi membantu penggunaan bahasa yang tepat. Tetapi penggunaan ganti nama diri ini kerap juga boleh menimbulkan kekeliruan. Contohnya di Kelantan

'kita' boleh hadir dalam satu ayat yang sama tetapi membawa rujukan yang berbeza (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007). Dalam satu ayat itu kita boleh merujuk kepada penutur (tunggal) dan pada masa yang sama juga kepada jamak inklusif.

1. Penutur: Minta maaflah. **Kita** jual tak mahal. Kain **kita** ambil di Singapura, duit **kita** dah mahal, sebab tu **kita** jual harga ini.

Selain dwirujukan ganti nama yang boleh menimbulkan kekaburan rujukan, ada juga kes di mana gantinama dia dan ia digunakan untuk bukan manusia. Nor Hashimah Jalaluddin (2008) telah membuktikannya. Contoh:

2. Maka dicampakkannya galahnya, katanya, "Lari kita, perahu ini **(***ia***** tiada mahu mudik) dipegang (oleh) hantu air.
3. Dari ketiga-tiga ayat di atas dapat kita fahamkan bahawa al-Quran menceritakan sendiri masa ianya diturunkan buat pertama kalinya, iaitu: - *****Ia***** diturunkan pada malam yang penuh berkat.
4. Penutur : Ambillah yang ini. **Dia** ke yang nak pakai, ambillah kain **dia** tahan ni…

Mungkin ramai yang mengatakan ini adalah pola yang salah tetapi kehadirannya dalam korpus pangkalan data di DBP sangat kerap dan banyak. Maka sebagai pakar bahasa, usaha harus dilakukan untuk menjelaskan mengapa fenomena ini berlaku, bukannya menghalang masyarakat menggunakannya.

Berbalik semula kepada rajah di atas. Soalan bermuka-muka, kemasyarakatan dan memasyarakatkan dari bahagian tatabahasa menunjukkan skor markah yang rendah. Bagi bermuka-muka, jawapan yang paling tinggi dicapai tidak melebihi 62% sementara *kemasyarakatan* dan *memasyarakatkan* skornya tidak melebihi 42%. Ini tidak mencapai tahap sederhana dalam sistem permarkahan yang ditetapkan. Apa sebabnya?

Kita lihat *kemasyarakatan dan memasyarakatkan* dahulu. Theresa Jabah, Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2009) berpendapat, kekeliruan ini berkait rapat dengan binaan frasa nama (FN) bahasa Melayu. Contohnya frasa nama 'usaha kemasyarakatan bahasa Melayu'. Dari segi nahu, frasa nama ini tidak salah kerana FN boleh terdiri daripada FN + FN. Menurut Asmah Haji Omar (1993), frasa nama ialah frasa yang boleh berdiri pada bahagian subjek dan objek ayat dan predikat nama, di samping boleh menggantikan kata nama. Manakala Nik Safiah Karim et al (2004) menyatakan frasa nama ialah binaan yang dari sudut nahu boleh terdiri daripada satu perkataan yang boleh berfungsi sebagai satu konstituen dalam binaan ayat. Oleh yang demikian, pelajar menganggap ayat tersebut gramatis dan tiada kesalahan. Hasil janaan daripada data korpus iaitu pangkalan data digital BM yang ada di Dewan Bahasa dan Pustaka juga memperlihatkan perkataan **kemasyarakatan** dalam binaan frasa nama sangat produktif digunakan dalam

masyarakat. Begitu juga dengan perkataan memasyarakatkan. Ini boleh dijadikan faktor mengapa kekeliruan boleh timbul.

Satu lagi soalan yang meminta pelajar menggantikan kesalahan penggunaan kata atau istilah juga menampakkan masalah pragmatik. Calon diminta mengenal pasti dan membetulkan kesalahan ayat di bawah tanpa perlu menukar maksudnya:

(i) *Kelima* penari Kumpulan Seri Kebudayaan Negeri Terengganu itu berwajah *putih*.

Kurang dari 45% remaja Malaysia gagal memberikan jawapan yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh pemeriksa. Namun demikian daripada senarai jawapan yang diberikan oleh pelajar didapati jawapannya tidak salah malahan diterima akal. Remaja dan kecantikan sangat sinonim. Jadi soalan ini tidak menimbulkan masalah bagi mereka malah mereka berjaya mencatatkan jawapan yang sangat baik. Antara jawapan yang diberikan tetapi disalahkan oleh pemeriksa ialah 'ayu, bersih, cantik, ceria, gelap, jelita, manis, muram dan pucat'.

Secara pragmatiknya jawapan pelajar ini adalah betul. Kita boleh 'berwajah jelita, ayu, cantik, bersih, manis, muram, pucat' dan seterusnya. Sekiranya jawapan yang diberikan ini dianggap salah, maka kekreatifan pelajar terbantut di sini. Seharusnya pemeriksa boleh membenarkan pelbagai jawapan asalkan jawapan itu benar dari segi konteks dan tatabahasa.

Bagi soalan yang implisit dan boleh mempunyai makna tersirat, pengetahuan pragmatik sangat penting bagi membantu mereka menjawab soalan-soalan tersebut. Meskipun bermuka-muka nampak seperti muka diimbuhkan dengan 'beR' tetapi makna yang dikehendaki bukannya secara literal 'mempunyai banyak muka' tetapi lebih kepada simpulan bahasa yang bermaksud 'berpura-pura'. Ini yang gagal dikuasai oleh pelajar. Guru dan pelajar yang merujuk kepada buku nahu pegangan tidak akan salah jika memahami imbuhan 'beR' ditakrifkan oleh penahu sebagai "membuat atau melakukan (sesuatu) pada diri sendiri", "perbuatan bersalingan", dan "mempunyai, memiliki". (Nor Hashimah Jalaluddin dan Nurul Huda Mohd Saad, 2010). Tidak pernah dinyatakan dalam buku nahu bahawa imbuhan 'beR' + muka boleh menghasilkan makna simpulan bahasa yang bermaksud 'berpura-pura'. Dalam konteks ini 'beR' + muka pasti difahami sebagai banyak muka.

Soalan 'bermuka-muka' dapat dikaitkan juga soalan peribahasa "bak burung di sangkar emas". Soalan bersifat peribahasa boleh diibaratkan sebagai 'metafora mati' memang memerlukan maklumat bukan linguistik bagi membantu mereka memahaminya. Mereka memerlukan maklumat budaya, persekitaran atau dengan kata yang mudah konteks. Konteks adalah maklumat sedia ada secara kognitif oleh pengguna bahasa yang boleh membantu mereka mentafsir makna. Pengguna bahasa harus memahami konsep 'banyak muka' yang bermaksud boleh mengubah pendirian dalam

situasi yang berbeza, maka melahirkan makna 'berpura-pura'. Begitu juga pelajar harus memahami bagaimana gelisahnya burung yang terkurung di dalam sangkar secara harfiahnya kemudian dibuat perbandingan dengan peribahasa tersebut. Masalahnya ramai remaja yang tidak pernah melihat burung yang berada di dalam sangkar. Dengan itu analogi itu tidak dapat dihayati dengan baik. Persekitaran kampung yang memperlihatkan burung yang dibela dalam sangkar telah tidak lagi menjadi aktiviti yang mudah dilihat. Maka dengan itu konteks kehidupan burung yang sengsara tidak akan dapat difahami dengan baik. Hal ini menjadi bertambah buruk apabila peribahasa ini hanya dihafal bagi tujuan peperiksaan. Rajah di atas jelas menunjukkan ramai remaja gagal mendapat cemerlang. Jumlah mereka terhad kepada tidak lebih daripada 12%. Bagi kaum Cina, India dan Iban pencapaian mereka adalah kurang dari 5%.

Pengetahuan pragmatik akan semakin menonjol peranannya apabila kita membicarakan komponen sastera (KOMSAS). KOMSAS telah menjadi mata pelajaran yang mesti diajar kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Tujuan sastera diajar kepada pelajar sekolah adalah untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar, serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis. Di samping itu, pengajaran komponen Kesusasteraan Melayu diharap dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi pelajar, serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya. (Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan, 5/2000). Namun begitu pandangan guru harus diberikan perhatian serius.

> "... Kebanyakan kelemahan pelajar pada penguasaan KOMSAS. Mereka tidak membaca teks KOMSAS. Mereka baca sinopsis sahaja. Kalau kelas belakang lebih teruk... nak faham bahasa Melayu pun susah ... apa lagi KOMSAS..."
> (Sumber: wawancara guru)

Dalam kajian yang dijalankan purata pencapaian pelajar sangat lemah. Remaja Kadazan mencapai skor 30%, diikuti remaja lain-lain kaum 24.2% manakala remaja Melayu, Cina, India, Iban mendapat skor kurang daripada 20%. Jika diteliti dari teks KOMSAS yang digunakan, iaitu, Terminal Tiga, Perlumbaan Kedua, Di Hadapan Pulau, Bukit Kepong tema dan isu yang dikemukakan menuntut pemahaman yang luas. Cerita seumpama ini memerlukan penghayatan dan pemahaman. Sudah pasti di dalam teks ini mengandungi maksud tersurat dan tersirat dengan gaya bahasa yang baik. Di sini unsur pragmatik diperlukan untuk mentafsir apakah mesej yang hendak disampaikan. Ini bermaksud remaja harus bekerja keras untuk memproses makna dan mesej yang terkandung dalam teks sastera tersebut. Memandangkan cerita ini mempunyai tema, plot, sub plot dengan

penggunaan bahasa yang lebih indah, secara tidak langsung ia boleh menghambat minat remaja. Ditambah pula jika cerita itu adalah cerita yang berlaku dalam zaman yang tidak pernah dilalui. Jika cerita dan zaman penceritaan tidak selari, sudah pasti percambahan minda dan minda tidak tercapai.

Keadaan menjadi lebih sukar jika sekiranya tumpuan pelajar hanya kepada sinopsis teks ini bukannya melalui pembacaan ekstensif. Maka falsafah memasukkan KOMSAS tidak akan mencapai matlamatnya. Ini dapat dilihat daripada keputusan ujian bertulis KOMSAS. Apa yang mengecewakan ialah skor remaja Melayu lebih rendah daripada remaja bukan Melayu. Remaja Melayu yang sepatutnya menguasai kesusasteraan Melayu menunjukkan prestasi yang sangat lemah. Sekali lagi jika dikaitkan dengan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia, maka secara tidak langsung statistik yang menunjukkan rakyat Malaysia sangat kurang membaca adalah tepat. Semaian yang dilakukan pada usia remaja ini gagal meningkatkan minat membaca remaja Malaysia.

Ulasan Umum Penguasaan Bm Remaja Malaysia

Dalam ruangan bahasa dan sastera Utusan Malaysia, pandangan mengenai BM dilontarkan:

> "... isu bahasa sejak dulu hingga kini, sentiasa berpanjangan seolah-olah tidak ada kesudahannya. Penggunaan yang tidak menyeluruh, bahasa yang rosak, khususnya pada penggunaan papan tanda dan iklan sememangnya amat meluas sehingga menimbulkan polemik demi polemik. Jadi apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah mengukur di tahap manakah penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia..." *Utusan Malaysia* (22 Oktober 2008):

Petikan di atas boleh dikatakan kesan akibat sikap memandang ringan pada BM. Jadual di bawah menunjukkan secara keseluruhan pencapaian remaja Malaysia pada BM.

KAUM	CEMERLANG (%)	LULUS (%)	GAGAL (%)
Melayu	11.0	53.1	24.9
Cina	8.1	28.8	63.1
India	7.4	37.1	55.5
Iban	4.5	45.5	50.0
Kadazan	20.0	50.0	30.0
Lain-lain	12.1	44.1	43.8

Jadual 1.1: Peratus Pencapaian Pelajar dalam Ujian Bahasa Melayu Berdasarkan Kaum

Berdasarkan jadual 1.1, dapat dilihat bahawa tiap-tiap kaum mencatatkan peratusan gagal yang lebih tinggi berbanding peratusan yang mendapat markah cemerlang. Paling membimbangkan ialah peratusan pelajar Cina (63.1%) dan India (55.5%) yang gagal lebih tinggi daripada peratusan mereka yang lulus atau cemerlang Berdasarkan aliran kelas pula, didapati pelajar aliran sains dan teknik mencatatkan keputusan cemerlang yang lebih ramai berbanding aliran kelas yang lain. Hal ini kerana pelajar yang ditempatkan dalam aliran sains dan teknik merupakan pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam ujian UPSR. Dengan kata lain, mereka dapat dikategorikan sebagai pelajar pintar. Hasil ujian bahasa Melayu berdasarkan aliran kelas dipaparkan dalam jadual 1.2.

ALIRAN KELAS	CEMERLANG (%)	LULUS (%)	GAGAL (%)
Sains	27.8	52.0	20.2
Akaun	12.9	48.5	38.6
Sastera	4.5	44.4	51.1
Teknik	23.7	26.3	50.0
Lain-lain	6.8	41.1	52.1

Jadual 1.2 : Peratus Pencapaian Pelajar dalam Ujian Bahasa Melayu Berdasarkan Aliran Kelas

> "... dia bercita-cita nak jadi doktor, *engineer*, ... nak jadi arkitek, jadi bahasa Melayu ni, dia kata, bahasa Melayu ni... tak pentinglah . Hanya yang pentingnya nak berjuang untuk dapatkan 'A'. Kalau tak *straight* 'A', mereka pun tak dapat pergi melanjutkan pelajaran ke luar negara".
>
> (Sumber: wawancara guru)

Secara umum, didapati lebih daripada 77.0% pelajar Melayu, India, Iban, Kadazan dan kaum-kaum lain tetap yakin bahawa bahasa Melayu masih relevan untuk menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Mereka juga berpendapat bahawa bahasa Melayu mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun, hal ini agak berbeza dengan pendapat pelajar Cina. Sebanyak 75.0% pelajar Cina yang terlibat dalam kajian ini masih tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu untuk menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Era globalisasi yang serba-serbi menuntut penggunaan dan penguasaan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, ditambah dengan ketidakyakinan kerajaan dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dalam bahasa Melayu mungkin dilihat oleh pelajar Cina sebagai bukti bahawa bahasa Melayu tidak mampu untuk menyatupadukan

pelbagai kaum di Malaysia. Lebih dari 45.0% daripada mereka juga berpendapat bahawa bahasa Melayu tidak mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia.

Kepetahan dan kemahiran bertutur merupakan impian bagi setiap pelajar kerana ia mampu meningkatkan keyakinan diri pelajar, khususnya ketika berhadapan dengan orang lain. Hasil kajian menunjukkan 93.3% pelajar Melayu, 67.6% pelajar Cina, 85.2% pelajar India, 95.5% pelajar Iban, 93.3% pelajar Kadazan dan 92.9% lain-lain suku kaum bersetuju bahawa mata pelajaran bahasa Melayu dapat memberikan kemahiran bertutur dengan baik. Mereka juga yakin bahawa penguasaan bahasa Melayu masih relevan untuk mendapatkan pekerjaan di Malaysia. Namun, 40.6% pelajar Cina berpendapat sebaliknya, iaitu penguasaan bahasa Melayu tidak penting untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini mungkin berkaitan dengan pola peluang pekerjaan yang mendominasi di Malaysia. Umumnya, kaum Melayu lebih tertumpu dalam sektor awam yang lebih mengutamakan bahasa Melayu, sementara kaum Cina banyak tertumpu dalam sektor swasta yang sememangnya kurang menggunakan bahasa Melayu. Justeru, kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu tidak dianggap sebagai suatu kebolehan yang istimewa bagi pelajar Cina.

Dapatan kajian mengenai penghayatan BM seharusnya digandingkan dengan penghayatan identiti nasional. Kedua-dua ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai perlunya nilai jati diri rakyat Malaysia. Analisis ini (jadual 1.3) menjurus kepada ukuran tahap penghayatan responden secara keseluruhan terhadap lambang serta institusi kebangsaan yang dapat menimbulkan emosi dan perasaan kepunyaan bersama, lantaran membantu ke arah pembentukan identiti nasional.

Tahap Kesedaran	Bumiputera-Melayu	Bumiputera-Lain	Bukan-Bumiputera
Tinggi	64	50	22
Sederhana	36	50	78

Jadual 1.3. Ukuran Keseluruhan Identiti Nasional Mengikut Etnik (%)

Dari pemerhatian menyeluruh (lihat Jadual 1.3), wujud perbezaan tahap penghayatan responden kajian terhadap lambang dan institusi kebangsaan yang boleh membantu ke arah pembentukan identiti nasional. Kumpulan responden Bumiputera-Melayu telah menunjukkan skor keseluruhan tertinggi (64 peratus) pada tahap kesedaran identiti nasional tinggi berbanding kumpulan Bumiputera Lain dengan skor keseluruhan 50 peratus. Manakala Bukan Bumiputera pula mempamerkan tahap kesedaran identiti nasional terendah dengan memperolehi skor keseluruhan sebanyak 22 peratus sahaja dalam kategori tahap kesedaran tinggi. Penemuan ini membuktikan bahawa usaha ke arah pemupukan identiti nasional di kalangan

rakyat negara ini masih belum memuaskan meskipun usaha sebegini telah dilaksanakan sejak tiga dekad lalu. Bagaimanapun, usaha ke arah pemupukan identiti nasional lebih berjaya di kalangan kaum Bumiputera berbanding bukan Bumiputera. Namun, di kalangan bumiputera itu sendiri, hanya Bumiputera Melayu telah membuktikan tahap kesedaran identiti nasional yang lebih tinggi berbanding kelompok Bumiputera lain di negara ini.

Kesan Jangka Panjang: Faktor Pencetus Dan Penambahbaikan

Ada beberapa faktor yang boleh dikenal pasti sebagai punca kepada kelemahan dasar BM di negara ini.

a. Kuasa Politik, Imperialisme Bahasa dan Masa Depan BM

Alasan globalisasi yang menyaksikan kuasa politik di seluruh dunia sebagaimana yang dikatakan orde dunia baru didominasi oleh golongan korporat yang meletakkan pasaran sebagai matlamat utama mereka. Secara tidak langsung neo-imperialisme telah meletakkan dunia kepada satu acuan '*one size fits all*'. Dalam kes bahasa, pendapat dua orang sarjana bahasa telah mengukuhkan lagi pendapat mengenai dominasi neo-imperialisme. Ini dapat dilihat dengan kenyataan van Dijk (1997) melalui artikelnya *'Dicourse and Society'* yang dipetik oleh Robert Philipson (2006):

> English is increasingly intrudes on territory occupied earlier by other languages: The language barrier has become a more general scholarly and cultural barrier, The main obstacle to linguistic diversity, also in scholarship, however, is the arrogance of linguistic power in Anglophone countries, and especially the USA.

Seterusnya J.A. Fishman (2006) menegaskan lagi mengenai neo-imperialisme ini,

> For example, scientific scholarship is increasingly an English-only domain in intenational communication (journals, reference works, text books, conference, networking), which has a knock-on effect nationally (language shift to English, particularly at the graduate level; fnding needed for training, or for translation) And internationally (paradigms from the Anglo-American world being favored, marginalization of non-native speakers at conferences.

Sesungguhnya kuasa politik yang kuat dan teguh pasti dapat membezakan antara kepentingan BM sebagai bahasa perpaduan demi jati diri negara. Komitmen terhadap BM harus diperteguhkan agar rakyat faham akan hala tuju jati diri negara sendiri. Pada masa yang sama kepentingan BI sebagai

bahasa kedua turut diberikan perhatian agar kita tidak tercicir bersaing dengan negara membangun yang lain. Philipson seterusnya menambah, 'hal ini kerana imperialisme linguistik merujuk kepada ketidaksamaan, padang permainan linguistik yang tidak rata, memberikan penekanan dan keutamaan yang sangat tidak adil hanya kepada satu bahasa (BI), penerimaan membuta tuli pada BI yang seolah-olah menjadi bahasa '*default*". Tekanan-tekanan kerana neo-imperialisme memang sangat-sangat dirasai. Seseorang itu dianggap tidak cerdik hanya kerana gagal menguasai BI. Langkah menukar ke PPSMI adalah salah satu langkah kesan dari tekanan ini.

b. Malaysia Truly Asia V Dasar kebudayaan Kebangsaan

Shamsul Amri Baharudin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2004) mengatakan prioriti dan program kebudayaan kebangsaan Malaysia bertukar secara radikal semenjak 1990an: daripada suatu usaha yang bermatlamat untuk mewujudkan seboleh mungkin, biarpun mula-mulanya hanya di paras permukaan, suatu bentuk budaya sepunya di kalangan anggota masyarakat pelbagai kaum di Malaysia ini kepada suatu usaha yang menggembar-gemburkan kemajmukan budaya sebagai komoditi paling berharga pada pertumbuhan ekonomi, bukan untuk tujuan asal projek pembinaan negara-bangsa. Ini tersimpul dalam slogan *"Malaysia Truly Asia"*.

Program-program ini rencam bentuknya sesuai dengan beberapa perubahan yang berlaku dalam pemerintah mengkonsepsikan kebudayaan kebangsaan itu sendiri. Kalau pada tahun 1970an dan 1980an kebudayaan kebangsaan itu dikonsepsikan sebagai kegiatan bersifat ritual dan simbolisme, semenjak 1990-an konsepsinya telah diperluaskan untuk meliputi kegiatan yang bersifat pasaran, seperti menjadikan beberapa aspek budaya etnik sebagai 'pakej budaya' yang menjadi komoditi untuk diperniagakan demi memenuhi tuntutan sektor industri perkhidmatan, khususnya memenuhi permintaan subsektor pelancongan.

c. Konsep Satu Malaysia

Berbalik kepada konteks 1 Malaysia, memang BM tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Ironinya bagi membuktikan kerajaan serius dengan BM, maka bulan bahasa kebangsaan diraikan pada setiap bulan Oktober. BM seolah-olah telah menjadi sejarah yang harus diperingati hanya pada bulan Oktober sama seperti kita meraikan kemerdekaan. Hari ini cara BM ditonjolkan dalam iklan Malaysia amat menyedihkan. Jika dahulu iklan perayaan tajaan PETRONAS menggunakan BM sebagai bahasa penyiarannya, kini hal ini tidak alagi berlaku. Semua iklan perayaan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Hal yang paling menggerunkan ialah kini telah mempunyai empat bahasa dalam satu iklan. Contohnya, iklan PRIMAX 95 tajaan PETRONAS, iklan HEALIN, iklan CNI dan bakal menyusul banyak lagi iklan seumpama ini jika tidak dibendung.

Stesen televisyen pula hanya memikirkan keuntungan bila menceritakan mengenai peranan dan tanggungjawab sosial mereka pada BM. Ahmad Puad Onah dari Media Prima Berhad (2009) mengatakan pasaran yang menentukan penggunaan BM. Meskipun bahasa Mandarin dan BI yang lebih menguntungkan, maka biarlah bahasa Mandarin dan BI dibenarkan. Apa yang penting adalah keuntungan. Peranan media elektronik secara tidak langsung mempercepatkan kemusnahan pada BM.

d. Penyiaran dan Penswastaan

Salah satu faktor selain daripada pasaran ialah, letak duduknya badan penyiaran swasta seperti Media Prima, ASTRO di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Badan penyiaran swasta tidak berada di bawah pengawasan Kementerian Penerangan. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi menyelaras semua rancangan televisyen swasta termasuk dari luar negara demi memastikan pendapatan mereka masuk berdasarkan cukai hiburan dan perkhidmatan lesen. Ternyata BM bukan agenda utama mereka. Badan penyiaran swasta pula sangat bergantung kepada iklan sebagai sumber kewangan mereka. Soalnya sekarang siapakah yang menguasai dunia pengiklanan?. Semuanya boleh dijawab sendiri.

Tahun 2009 telah menyaksikan perubahan drastik pada dasar penyiaran negara. RTM 1 pula dalam mengejar populariti dan perhatian penonton telah mengubah hala tuju penyiaran mereka. Bermula 2009, RTM 1 kini bukan lagi saluran khusus untuk rancangan berbahasa Melayu Inforia tetapi telah bertukar ke saluran berbentuk dokumentasi dengan slogan 'TV1 Saluran Informasi'. Perubahan itu bukan untuk mengukuhkan lagi martabat BM tetapi telah mencampuradukkan pelbagai bahasa dalam Radio Televisyen Malaysia 1 (RTM 1). Sebelum ini RTM 1 dikhususkan untuk rancangan berbahasa Melayu sahaja tetapi kini RTM 1 telah menukar haluan. RTM 1 kini adalah saluran informasi. Semua rancangan Berita disalurkan melalui RTM 1 tanpa mengira apa bahasanya. Kini RTM 1 menghidangkan Berita Nasional berbahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Matlamat memartabatkan BM kini pudar. Matlamat asal berubah demi mengikut rentak semasa. BM seolah-olah tidak lagi menjadi agenda negara. Kesannya dapat terlihat daripada jadual di bawah:

Jumlah Penyiaran Menggunakan Bahasa Bukan Melayu	RTM 1	RTM 2	TV3	NTV 7	8 TV	TV 9
16 – 22 April 2007	10%	83%	35%	80%	93%	10%
21-27 Februari 2010	5.8%	71.4%	38.3%	97%	96.6%	29.2%

Jadual 1.4. Jumlah Penyiaran Menggunakan Bahasa Bukan Melayu

Namun demikian tekanan daripada rakyat yang mahukan Radio Televisyen Malaysia 1 (RTM 1) kembali ke dasar lama, maka penyiaran pelbagai bahasa ditarik balik. Sememangnya penyiaran pelbagai bahasa di RTM 1 telah melemahkan hasrat kerajaan untuk memupuk semangat kebangsaan melalui BM.

Daripada kesemua faktor di atas kita dapati seolah-olah BM berdepan dengan tekanan berat dari dalam dan luar negara. Sebenar faktor globalisasi mampu ditangani jika ia dianggap sebagai saingan positif kepada bahasa dan bangsa kita. Sepatutnya kita tidak boleh menjadi mangsa kepada globalisasi dan seterusnya tunduk kepada tekanan yang diberikan. Dengan itu langkah-langkah positif harus diambil bagi menjamin keutuhan BM sebagai bahasa kebangsaan.

Sekolah Pelbagai Aliran V Sekolah Satu Aliran – cadangan penyelesaian

Sesuatu tindakan bersepadu harus dilakukan demi kedaulatan BM. Satu cadangan yang paling praktikal dan berani telah dibuat oleh Prof. Khoo Khay Kim. Prof. Khoo dalam ceramah bertajuk 1 Malaysia: Cabaran dan Harapan pada program Semarak Perpaduan dan Patriotisme di Pulau Pinang baru-baru ini mencadangkan pelaksanaan sekolah satu aliran. Kenyataan Prof. Khoo telah disambut secara positif oleh ahli politik.

Hamim Samuri (BN-Ledang) dalam temu bual di Utusan Malaysia juga berkata, sistem pendidikan yang mengamalkan sekolah pelbagai aliran sekarang tidak akan membantu kerajaan menyatupadukan rakyat apatah lagi untuk menyelami makna sebenar gagasan 1Malaysia. Justeru, beliau mencadangkan supaya semua sekolah menengah di negara ini dibuat dalam satu aliran bagi memastikan pelajar daripada semua kaum berada di bawah satu bumbung perpaduan.

> ''Kita boleh kekalkan sekolah pelbagai aliran di peringkat sekolah rendah tetapi ia wajar dijadikan satu aliran apabila di peringkat sekolah menengah. Dalam konteks ini kerajaan harus mengambil alih semua sekolah menengah dengan menjadikannya satu aliran supaya anak-anak kita dapat belajar dalam satu sekolah yang sama,'' katanya ketika membahaskan Bajet 2010 pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Datuk Abd. Halim Abd. Rahman (Pas-Pengkalan Chepa) yang bersetuju dengan Hamim pula berkata, hasil pengamatan dan kajian yang dibuat telah mendapati sistem pendidikan sekarang tidak ada titik pertemuan.''Sistem pendidikan kita sekarang ini seperti landasan kereta api yang akhirnya tidak ada titik pertemuan dan itulah yang pernah dibangkitkan oleh Profesor Kay Kim sebelum ini,'' katanya.

Suara Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara) dalam hal ini senada apabila beliau bersetuju sekolah satu aliran diwujudkan di peringkat sekolah menengah supaya matlamat perpaduan dicapai. Sekolah pelbagai aliran sekarang merupakan sistem peninggalan penjajah yang tidak mampu mewujudkan negara bangsa yang benar-benar bersatu padu.

> "Sistem pendidikan sekarang tidak memerlukan sekolah pelbagai aliran kerana bahasa ibunda setiap kaum boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada kurikulum di dalam bilik darjah," katanya. (Utusanonline: 29 Okt.2008).

Kesimpulan

Dapatan kajian dari dua penyelidikan di atas mesti diberikan tumpuan yang sangat serius. Bangsa bukan Melayu khususnya telah mula merasakan identiti nasional dan BM adalah perkara yang tidak penting dalam kehidupan mereka. Penggunaan BI yang meluas dan diperkukuhkan dengan gembar-gembur kepentingan bahasa Mandarin menjadikan BM terpaksa sekali lagi melalui jalan getir untuk bangkit. Kejayaan Laporan Razak dalam menyatupadukan rakyat melalui bahasa telah diketepikan demi mengejar taraf dunia.

Jika kita ingin melihat BM terus kekal sebagai bahasa pengantar, mata pelajaran wajib dan dihayati agar menjadi bahasa perpaduan, kita perlu berani mengubah kurikulum dan sistem pendidikan yang ada. Jika ini merupakan jalan yang terbaik, maka pihak Kementerian mesti perlu menyahut cabaran ini. Malah pendapat bernas guru di bawah ini harus diberikan perhatian yang seserius mungkin demi kelangsungan BM dan menaikkan kualiti modal insan generasi masa muka.

> "...bagi pelajar tingkatan lima, sepatutnya bahasa Melayu lebih bercorak ke arah penulisan, mematangkan pelajar dalam melahirkan idea dan kemahiran komunikasi. Tetapi oleh kerana perkara-perkara begini (masalah pembelajaran tatabahasa) menyebabkan ada sedikit gangguan. Bagi pendapat sayalah, ... apa yang kita nak sekarang ialah bagaimana nak melahirkan idea-idea di atas kertas. Dan kita dapat bercakap dengan perkara matang, menggunakan perbendaharaan kata yang pelbagai, yang luas".
>
> (Sumber: wawancara guru)

Rujukan

Asmah Haji Omar. 1993. Nahu Mutakhir Melayu. Kuala Lumpur: DBP.

Ahmad Puad Onah. 2009. "Peranan Media dalam Memartabatkan Bahasa Mealyu" dalam Forum Bahasa Melayu di Tempat Awam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

J.A.Fishman. 2006. Language Policy and Language Shift dlm T.Ricento (pynt). *Language Policy: Theory and Method.* Oxford: Blakewell.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2000. Kajian pelaksanaan bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Laporan projek penyelidikan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mahzan Arshad. 2008. Bahasa - minat murid dan guru bercanggah. http:// www. ppdjasin. edu.my/ IsuMenarik/ IsuMenarik [16 Julai 2008].

Nik Safiah Karim, Abdul Hamid Mahmood, Hashim Musa. 2004. Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur: DBP.

Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Idris Aman. 24. Penguasaan Bahasa Melayu oleh Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi, Jurnal Bahasa Jil4(1), 63-95.

Nor Hashimah Jalaluddin 2007 (cetakan ke 2). *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*, DBP, Kuala Lumpur.

Nor Hashimah Jalaluddin dan Nurul Huda Mohd. Saad. 2010. Peluasan Makna Imbuhan *Ber-*: Analisis Semantik Kognitif, *GEMA Online™ Journal of Language StudiesVolume 10(1) 2010,* 103-123.

Nor Hashimah Jalaluddin, 2008. Kata Ganti Nama 'IA' dan 'Ianya' dalam Korpus Melayu: Kajian rangka Rujuk Silang, dalam Zaharani Ahmad, *Nahu Praktis Bahasa Melayu*, Bangi. Penerbit UKM

Ramli Md. Salleh, Ismail Salleh, Idris Aman & Fadzeli Jaafar. 2000. Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rendah: kajian di sekolah-sekolah Rancangan Felda Negeri Sembilan, Penyelidikan Fakulti: M/3/98, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Robert Phillipson. 2006. Language policy and Linguistic Imperialism dlm T.Ricento (pynt). Language Policy: Theory and Method. Oxford: Blakewell.

Shamsul Amri Baharuddin' dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2004. Kertas Kerja Kajian Impak Pelaksanaan Program-Program Kementerian Kebudayaan dan Kesenian dalam Pembinaan Negara Bangsa, *Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan,* Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Langkawi.

Utusan Malaysia (29 Oktober 2009) . www.utusanonline.com. "Jadikan satu aliran persekolahan" [dipetik pada 10 Mac 2010].

Wawancara Guru Bahasa Melayu di Lima Zon Penyelidikan.